

30/07/2000

Selesaikan melalui rundingan

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hubungan antara pekerja, majikan dan kerajaan perlu berlandaskan kerjasama serta penyelesaian segala masalah melalui rundingan, bukan konfrontasi dan menguji siapa lebih kuat melalui tindakan mogok.

Perdana Menteri berkata, kaedah konfrontasi seperti itu adalah pengaruh Barat yang lebih gemar menguji kekuatan untuk menyelesaikan masalah pekerja, termasuk masalah sosial konon dikatakan oleh mereka sebagai hak asasi manusia.

"Sebabnya kita tolak cara konfrontasi dan ujian kekuatan ialah kerana kita tahu tidak akan ada siapa yang menang dan mendapat keuntungan daripada cara-cara yang merugikan itu," katanya di majlis Perhimpunan Perpaduan sempena Hari Pekerja di Stadium Putra Bukit Jalil, semalam.

(END)